

Putri Nabila bt Mustafa Kamal
No. 20, Jalan Selasih 11
Taman Selasih Fasa 1
68100 Batu Caves
Selangor

Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor.

14 November 2024

Tuan/Puan

**SURAT PERLETAKAN JAWATAN SEBAGAI PEGAWAI MYSTEP DI
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya Putri Nabila binti Mustafa Kamal ingin mengemukakan perletakan jawatan saya sebagai Personel MySTEP di Perbadanan Produktiviti Malaysia secara rasmi, berkuat kuasa pada **1 Disember 2024**. Sepanjang tempoh perkhidmatan saya di sini, saya amat menghargai peluang dan pengalaman yang telah saya peroleh.

3. Keputusan perletakan jawatan ini adalah kerana saya telah ditawarkan oleh MPC untuk berkhidmat sebagai Penolong Pengurus Gred E9 (Kontrak) berkuat kuasa pada **1 Disember 2024**. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh pasukan Seksyen Daya Saing Negara (NCS), khususnya kepada Pengarah, Penyelia dan rakan sekerja saya atas sokongan dan bimbingan yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan saya di sini.

4. Saya memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kesulitan atau kekurangan dalam prestasi saya sepanjang tempoh perkhidmatan. Saya akan pastikan segala tugas yang telah diamanahkan kepada saya akan saya sempurnakan sebaik mungkin. Segala bentuk kerjasama akan diteruskan sehingga hari terakhir perkhidmatan saya. Jasa baik daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Putri Nabila Mustafa Kamal